




PROJECT
BULITEN



SELAMAT DATANG
ENCIK AINURRIDHA BIN AHMAD MAJDI ,
SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH
MULAI 01 JUN 2021

Info Perak Tengah

SELEPAS



PENUBUHAN

.....

Ditubuhkan pada 1 Disember, 1979 iaitu setelah diluluskan penubuhannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam perjumpaan Bil.936 bertarikh 20 November, 1979. Penubuhan Majlis Daerah Perak Tengah ini selaras dengan penyusunan semula penguasa-penguasa tempatan seluruh Malaysia.

1979

SEBELUM



SEJARAH

.....

Daerah Kecil Parit dalam Daerah Kuala Kangsar dan Kampong Gajah dalam Daerah Hilir Perak. Perak Tengah bersempadan dengan Daerah Kuala Kangsar di sebelah Utara, Daerah Kinta di sebelah selatan, Daerah Hilir Perak di sebelah timur dan Daerah Manjung di sebelah barat.

1979



KELUASAN

.....

Meliputi kawasan seluas kira-kira 127,946 hektar (1,279.46 km persegi) yang merangkumi 11 buah mukim iaitu :

1. Belanja
2. Layang-layang
3. Bota
4. Lambor
5. Pulau Tiga
6. Kampong Gajah
7. Pasir Panjang Ulu
8. Pasir Salak
9. Bandar
10. Kota Setia
11. Jaya Baru



KELUASAN

.....

Kawasan yang menerima perkhidmatan / kawasan operasi Majlis Daerah Perak Tengah meliputi:

1. Parit
2. Simpang Tiga Buluh Akar
3. Tanjung Belanja
4. Bota
5. Seri Iskandar
6. Titi Gantung
7. Kampong Gajah
8. FELCRA Seberang Perak

Ops Pemantauan

Ops pemantauan/pemeriksaan harian pematuhan SOP MKN oleh pihak MDPT ke atas premis - premis perniagaan, pasaraya pasaraya , penjaja penjaja dan rumah rumah ibadat di dalam kawasan Pentadbiran MDPT di sekitar Seri Iskandar , Bota , Parit dan Kampong Gajah. Pihak MDPT juga turut terlibat bersama agensi agensi penguatkuasaan yg lain (PDRM dan RELA) melakukan pemeriksaan/pemantauan pematuhan SOP MKN di SJR.

#KitaJagaKita





COVID-19

LAWATAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA KE PPV SERI ISKANDAR



Lawatan YBhg Tan Sri Mohd Zuki Bin Ali, Ketua Setiausaha Negara ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Seri Iskandar pada 11 Jun 2021. Turut serta, YBhg Datuk Hj Mohd Rabin Bin Basir, Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara, YB Dato' Ahmad Suaidi Bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid, Ketua Polis Perak, Pegawai Daerah, YB ADUN Bota, Yang Dipertua Majlis Daerah Perak Tengah serta Ketua Jabatan Daerah.



KEMPEN

DERMA DARAH

KEMPEN
**DERMA
DARAH**

Menyokong usaha mengatasi isu kekurangan bekalan darah negara, MDPT menganjurkan Program Derma Darah bertempat di Galeri MDPT pada 4 dan 5 Ogos 2021 .Program kerjasama Pusat Darah Hospital Teluk Intan yang terbuka kepada kakitangan dan orang awam ini berjaya melepas sasaran. Program tahunan ini adalah sebahagian daripada aktiviti tanggungjawab sosial korporat untuk masyarakat.Menerusi program ini, MDPT ingin meningkatkan kesedaran orang awam mengenai kepentingan menderma darah yang mampu menyelamatkan nyawa insan yang memerlukan.



Sambutan

HARI KEBANGSAAN PERINGKAT DAERAH PERAK TENGAH

31 OGOS 2021

Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Ke-64 Peringkat Majlis Daerah Perak Tengah yang disempurnakan oleh YB,Pengurusi Jawatankuasa Belia,Sukan,Komunikasi dan Multimedia merangkap ADUN Bota di perkarangan Kompleks MDPT.



KUNJUNGAN HORMAT ORANG BESAR JAJAHAN PERAK TENGAH¹¹

02 September 2021. Orang Besar jajahan Daerah Perak Tengah, YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan telah mengadakan lawatan ke MDPT. Kehadiran beliau telah disambut oleh Tuan Yang Dipertua MDPT. Pada sesi lawatan ini telah diadakan sesi pembentangan pembangunan dan pelancongan daerah Perak Tengah.



MAJLIS BACAAN YASIN DAN PERHIMPUNAN BULANAN

Majlis Bacaan Yaasin dan Perhimpunan Bulanan Bil 2/2021. Majlis diadakan secara maya yang disertai oleh semua warga kerja MDPT. Pada majlis tersebut turut diadakan penyampaian hadiah kepada pemenang pelbagai kategori pertandingan EKSA MDPT





KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE)

15/9/2021 - KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E-WASTE) Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak telah melancarkan *Program Pertandingan Pengumpulan Sisa Elektrik dan Elektronik (E-Waste)* sempena Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perak (JAS) mensasarkan kutipan sehingga 100 metrik tan dengan penglibatan semua PBT Negeri Perak.



Lawatan TURUN PADANG

17 Sept 2022. Lawatan Turun Padang YDP MDPT bersama KRT Taman Iskandar Perdana di Jalan Pekeliling Iskandar Perdana 8 meninjau kawasan tanah runtuh. Turut hadir pegawai MDPT, JPS, Puncak Emas dan AJK KRT Iskandar Perdana



28 September 2021 - Lawatan TURPA oleh YB Exco Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia merangkap ADUN Bota, Yang Dipertua MDPT, Ahli Majlis, pegawai MDPT serta wakil peniaga jagung di Dataran Niaga Titi Gantung. Lawatan tersebut bagi membincangkan penempatan semula peniaga jagung dan buah-buahan segar di kawasan tersebut.



Lawatan TURUN PADANG

28 September 2021 - Perjumpaan peniaga di SIBC bersama YB Exco Belia, Sukan, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Yang Dipertua MDPT, Ahli Majlis dan pegawai MDPT membincangkan berkaitan penempatan peniaga harian di Persiaran SIBC.



1 Oktober 2021 - Lawatan oleh Tuan YDP, Setiausaha, KPPD Kampong Gajah, Ahli Majlis wakil FELCRA serta pegawai MDPT ke Tapak Cadangan Pembangunan Kedai/Tapak Penjaja di Taman FELCRA Jaya yang berkeluasan 3.0 ekar. Lawatan tersebut bagi meninjau keadaan di tapak cadangan bagi pembangunan tapak penjaja untuk kemudahan penduduk setempat.





THE MEDDLING KIDS

The band has been hanging out lately at Bob's Bar & Grill on 32nd ave.



LAWATAN TURUN PADANG PEKAN PARIT

THE PHOTOGRAPHER

Renowned Carlo Davis' will be covering Addam's event this weekend!

5 Oktober 2021 - Turun padang Tuan Setiausaha MDPT, YB ADUN Belanja, Ahli Majlis serta pegawai MDPT meninjau kerja-kerja naik taraf Pasar Parit, Pasar Tanjung Belanja dan Gerai Rakyat Jalan Belanja Pada lawatan itu juga meninjau permasalahan penduduk berkaitan longkang di Taman Parit Jaya, Taman Melati, Taman Seri Indah dan juga Mini Stadium Parit.



PENGAMBARAN TELEFILEM 'REHAL YANG PATAH' DI MDPT

2 Oktober 2021 - Sesi pengambaran sebuah telefilem oleh pengarah terkenal Dato' Zulkifli M Osman di Kompleks MDPT Seri Iskandar.



4 Oktober 2021 - Lawatan ke tapak cadangan konservasi Rumah Kutai di sekitar Daerah Perak Tengah dan lawatan ke Pulau Misa oleh Tuan YDP, Setiausaha dan Pegawai Perancang MDPT. Turut hadir bersama pada lawatan ini Prof Madya Dr. Sabrizaa Abd Rashid daripada UiTM Seri Iskandar.



KUNJUNGAN HORMAT KE JABATAN WARISAN NEGARA

7 Oktober 2021 - Lanjutan daripada lawatan ke tapak cadangan konservasi Rumah Kutai di sekitar Daerah Perak Tengah pada 4 Oktober 2021 yang lalu, satu kunjungan hormat oleh Tuan YDP MDPT bersama Prof Madya Dr. Sabrizaa Abd Rashid daripada UiTM Seri Iskandar ke Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara telah diadakan pada hari ini.

Pada kunjungan ini telah membincangkan pemuliharaan Rumah Kutai yang menjadi identiti Perak yang semakin pupus. Turut hadir sama pada kunjungan hormat ini Pegawai Perancang MDPT.



Sesi Perbincangan dan pembentangan berkaitan potensi pembangunan sukan persisir Sungai Perak

2 Oktober 2021 - Sesi Perbincangan dan pembentangan berkaitan potensi pembangunan sukan persisir Sungai Perak diantara MDPT dan UPSI. Hadir pada sesi perbincangan ini Tuan YDP, Naib Canselor UPSI, Dekan Fakulti Sukan UPSI, Pegawai Perancang serta Pegawai Penilaian MDPT.

Pada sesi pembentangan ini membincangkan cadangan Daerah Perak Tengah sebagai hub sukan air di Negeri Perak



PROGRAM MENYELUSURI SUNGAI PERAK

9 Oktober 2021 - Lawatan menyelusuri Sungai Perak oleh Tuan YDP, Setiausaha, Pengarah Tourism Perak, UPEN Perak serta Pegawai MDPT.

Lawatan bertujuan meninjau potensi pembangunan pelancongan persisir Sungai Perak di Daerah Perak Tengah antaranya Pulau Misa, Pusat Konservasi Tuntung dan ternakan ikan patin sangkar.





LAWATAN KE 'THE HABITAT' PENANG




18 November 2021. Lawatan Kerja ke 'The Habitat' Penang telah diadakan dan disertai oleh Tuan Yang Dipertua, Setiausaha, Ahli Majlis Lawatan serta pegawai MDPT. The Habitat ialah sebuah hutan lipur di Bukit Bendera. Projek eko pelancongan ini merupakan tempat di mana keindahan alam semulajadi dapat dinikmati secara dekat, terutama sekali hidupan liar di Bukit Bendera dapat diperhatikan dalam habitat semulajadi mereka.



PROGRAM MENYELUSURI PULAU CEMPAKASARI, PARIT

2 Disember 2021- Tuan YDP telah mengetuai program menyelusuri Pulau Cempakasari bagi melihat potensi untuk dibangunkan sebahagian lagi pulau tersebut. Pada program ini turut disertai Tuan Setiausaha, pegawai serta kakitangan MDPT.





PERTANDINGAN TINGKAH REBANA @ PULAU MISA

18 Disember 2021 - MDPT telah menganjurkan Pertandingan Tingkah Rebana bertempat di Pulau Misa Melayu, Bota Kiri. Pertandingan itu telah dirasmikan oleh YB ADUN Bota.

Pertandingan itu dimeriahkan lagi dengan persembahan Kumpulan Dendang Anak dengan disusuli nyanyian, tarian dan persembahan silat. Para peserta rebana pula telah menyampaikan pukulan dan nyanyian yang memukau para penonton pada malam itu.

Tahniah kepada pemenang

JOHAN - Kumpulan Thoroqun Najjah (FELCRA Nasaruddin)

NAIB JOHAN - Kumpulan Nadi Al-Hadrah (Teluk Kepayang)

KETIGA - Kumpulan Gabungan Setia (Parit)

#pulaumisa

#tingkahrebana







BANTUAN PRIHATIN BANJIR

MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH

Dengan kerjasama :



M I S I B A N T U A N

SERAHAN BARANGAN SUMBANGAN BANTUAN PRIHATIN BANJIR KEPADA PEGAWAI DAERAH JELEBU

26 Disember 2021 - Misi Bantuan Prihatin Banjir oleh MDPT telah selamat tiba di Jelebu. Pihak MDPT telah menyampaikan barang hasil daripada sumbangan penduduk di daerah Perak Tengah kepada Pejabat Daerah Jelebu pada hari ini.

Penyerahan dibuat oleh Tuan YDP MDPT kepada pegawai daerah jelebu di Kompleks Pentadbiran Daerah Jelebu. Hadir bersama penolong Pegawai Daerah Jelebu, Setiausaha MDPT, pegawai dan kakitangan MDPT

#PERAKTENGAH

#BANJIR2021

#BANTUANPRIHATINBANJIR

